

## **MINGGU CAKNA "E-WASTE" DI SMA (JAIM) ASSAYIDAH KHADIJAH, JASIN, MELAKA**

31 Julai 2023, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah dijemput pada 26 Julai yang lalu untuk memberikan perkongsian berkaitan pengurusan e-waste di Malaysia khususnya untuk e-waste yang dihasilkan di sekolah. Perkongsian telah disampaikan oleh Puan Hazereen binti Mohammad, Ketua Bahagian Pembangunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka. Selain itu, pameran kesedaran alam sekitar serta pendaftaran Rakan Alam Sekitar (RAS) turut diadakan. Jabatan mengucapkan syabas kepada Sekolah ini kerana menyokong kempen Cakna E-Waste yang dianjurkan oleh Seksyen Scheduled E-waste, Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar dimana ia bermula dari 1 Julai sehingga 31 Oktober tahun ini.

Penyertaan oleh guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah ini amatlah menggalakkan semasa program Cakna E-waste ini berjalan. Jumlah timbangan e-waste yang berjaya dikumpul pada program tersebut adalah sebanyak 250 kg semasa timbangan pertama dan kemudian bertambah kepada 511.0kg di akhir program. Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka mengajak semua sekolah-sekolah di Melaka khususnya untuk menyahut seruan Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat dengan mengelolakan program Cakna E-waste di sekolah masing-masing. Ayuh mengurus e-waste dengan tatacara yang sempurna demi kelestarian alam sekitar. Untuk maklumat lanjut layari laman sesawang [www.ewaste.doe.gov.my](http://www.ewaste.doe.gov.my).

[#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim](#)

[#JabatanAlamSekitar](#)

[#jasnegerimelaka](#)

[#AlamSekitarTanggungjawabBersama](#)